




KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN



PELAN INDUK
RANGKAIAN EKOLOGI
CENTRAL FOREST SPINE (PIRECFS)
2022



PIRECFS



PLANMalaysia
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

KEDAH



© Hak Cipta

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Hak cipta terpelihara

Mana-mana bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau pun dipindahkan dalam sebarang bentuk cara, sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

ISBN 978-967-5456-78-7

Pelan Induk Rangkaian Ekologi
Central Forest Spine (PIRECFs) 2022 Jilid 2 Negeri Kedah

Diterbitkan oleh:

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Blok F5, Komplek F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 PUTRAJAYA

2022

PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI *CENTRAL FOREST SPINE* (PIRECFS) 2022

JILID 2 PEMELIHARAAN CFS DAN RANGKAIAN EKOLOGI


KEDAH

Laporan Jilid 2 ini hendaklah dibaca dan dirujuk bersama-sama dengan Jilid 1 Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022. Jilid 2 ini adalah dokumen sokongan yang disediakan mengikut negeri yang akan saling melengkapi dan sebagai komplementari kepada laporan ini.

Bagi membantu Kerajaan Negeri melaksanakan perancangan pemeliharaan CFS dan Rangkaian Ekologi, Jilid 2 ini telah disediakan sebagai asas rujukan dan pelan tindakan mengikut Negeri dengan merumuskan latar belakang, penemuan utama dan strategi pemeliharaan mengikut cadangan Rangkaian Ekologi yang terdapat di dalam Jilid 1.

Laporan ini telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Kedah Kali Ke-162 (2/2022) pada 31 Mei 2022 untuk kelulusan dan diterima pakai di peringkat Negeri.

Laporan ini juga telah dipersetujui di dalam Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bilangan 1 Tahun 2022 pada 20 Julai 2022.



SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
<i>Isi Kandungan</i>	i
<i>Senarai Jadual</i>	iii
<i>Senarai Rajah</i>	iv
<i>Senarai Singkatan</i>	vi
<i>Senarai Istilah (Glosari)</i>	vii
PENGENALAN	1
A. Central Forest Spine (CFS)	1
B. Rangkaian Ekologi CFS	2
C. Dokumen Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS	4
LATAR BELAKANG	5
A. Kawasan Berhutan Negeri Kedah	5
B. Kawasan CFS Negeri Kedah	8
C. Rangkaian Ekologi CFS Negeri Kedah	9
D. Rumusan Peruntukan Rancangan Pemajuan Berkaitan CFS dan Rangkaian Ekologi Negeri Kedah	12
E. Cadangan Penyediaan Rancangan Tempatan (RT) Pengubahan / Penggantian	13
F. Cadangan Penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bagi Semua Rangkaian Ekologi	14
1.0 RANGKAIAN EKOLOGI K-PL1 (CFSI – PL5) (HS Ulu Muda – HS Gunung Inas)	15
1.1 Perubahan Guna Tanah 2010, 2015 dan 2019	16
1.2 Fungsi Rangkaian Ekologi Terhadap Hidupan Liar	22
1.3 Rumusan Cadangan Pemeliharaan Rangkaian Ekologi K-PL1 (HS Ulu Muda – HS Gunung Inas)	26
2.0 RANGKAIAN EKOLOGI K-SL1 (CFSI – SL7) (HS Ulu Muda – HS Bukit Saiong – HS Pedu – HS Chebar)	28
2.1 Perubahan Guna Tanah 2010, 2015 dan 2019	29
2.2 Fungsi Rangkaian Ekologi Terhadap Hidupan Liar	35
2.3 Rumusan Cadangan Pemeliharaan Rangkaian Ekologi K-SL1 (HS Ulu Muda – HS Bukit Saiong – HS Pedu – HS Chebar)	39

SENARAI KANDUNGAN

		MUKA SURAT
3.0	RANGKAIAN EKOLOGI CFS K-SL2 (CFSI – SL8) (HS Ulu Muda – HS Rimba Telui)	41
	3.1 Perubahan Guna Tanah 2010, 2015 dan 2019	42
	3.2 Fungsi Rangkaian Ekologi Terhadap Hidupan Liar	48
	3.3 Rumusan Cadangan Pemeliharaan Rangkaian Ekologi K-SL2 (HS Ulu Muda – HS Rimba Telui)	50
4.0	RANGKAIAN EKOLOGI K-SL3 (CFSI – SLI3) (HS Gunung Bongsu - HS Gunung Inas)	52
	4.1 Perubahan Guna Tanah 2010, 2015 dan 2019	53
	4.2 Fungsi Rangkaian Ekologi Terhadap Hidupan Liar	59
	4.3 Rumusan Cadangan Pemeliharaan Rangkaian Ekologi K-SL3 (HS Gunung Bongsu - HS Gunung Inas)	62

SENARAI JADUAL

NO	TAJUK	MUKA SURAT
1	Maklumat Sumber Hutan Negeri Kedah	5
2	Senarai RT yang Perlu Disediakan dengan Cadangan Pengubahan / Penggantian bagi Mengambil Kira Cadangan Pemeliharaan Kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi	13
1.1	Keadaan Guna Tanah K-PL1 Tahun 2010, 2015 dan 2019	16
1.2	Tahap Fungsian K-PL1 Terhadap Hidupan Liar	22
1.3	Senarai Produk Pelancongan Mengikut Inisiatif Strategi Ekopelancongan K-PL1	27
2.1	Keadaan Guna Tanah K-SL1 Tahun 2010, 2015 dan 2019	29
2.2	Tahap Fungsian K-SL1 Terhadap Hidupan Liar	35
2.3	Senarai Produk Pelancongan Mengikut Inisiatif Pelaksanaan Ekopelancongan K-SL1	40
3.1	Keadaan Guna Tanah K-SL2 Tahun 2010, 2015 dan 2019	42
3.2	Tahap Fungsian K-SL2 Terhadap Hidupan Liar	48
3.3	Senarai Produk Pelancongan Mengikut Inisiatif Pelaksanaan Ekopelancongan K-SL2	51
4.1	Keadaan Guna Tanah K-SL3 Tahun 2010, 2015 dan 2019	53
4.2	Tahap Fungsian K-SL3 Terhadap Hidupan Liar	59
4.3	Senarai Produk Pelancongan Mengikut Inisiatif Pelaksanaan Ekopelancongan K-SL3	63

SENARAI RAJAH

NO	TAJUK	MUKA SURAT
1	Kompleks Hutan, Kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi 2022	3
2	Kawasan Hutan Negeri Kedah	6
3	Litupan Hutan Negeri Kedah Tahun 2010, 2015 dan 2019	7
4	Kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi Negeri Kedah	10
5	Taburan HSK Dalam Kawasan CFS Negeri Kedah	11
1.1	Perbandingan Guna Tanah Utama K-SL1 Tahun 2010, 2015 dan 2019	16
1.2	K-PL1 - Aktiviti Guna Tanah 2010	17
1.3	K-PL1 - Aktiviti Guna Tanah 2015	18
1.4	K-PL1 - Aktiviti Guna Tanah 2019	19
1.5	K-PL1 - Analisis Tapisan Litupan Berhutan 2010, 2015 dan 2019	20
1.6	K-PL1 - Zon Guna Tanah 2020	21
1.7	K-PL1 - Rangkaian Pengangkutan dan Kawasan Konflik Hidupan Liar	24
1.8	K-PL1 - Taburan Spesies Pokok Terancam dan EAFM	25
1.9	K-PL1 - Lokasi Cadangan Pemeliharaan Rangkaian Ekologi	26
2.1	Perbandingan Guna Tanah Utama K-SL1 Tahun 2010, 2015 dan 2019	29
2.2	K-SL1 - Aktiviti Guna Tanah 2010	30
2.3	K-SL1 - Aktiviti Guna Tanah 2015	31
2.4	K-SL1 - Aktiviti Guna Tanah 2019	32
2.5	K-SL1 - Analisis Tapisan Litupan Berhutan Tahun 2010, 2015 dan 2019	33
2.6	K-SL1 - Zon Guna Tanah 2020	34
2.7	K-SL1 - Rangkaian Pengangkutan dan Kawasan Konflik Hidupan Liar	37
2.8	K-SL1 - Taburan Spesies Terancam, EAFM dan Cadangan Santuari Ikan	38
2.9	K-SL1 - Lokasi Cadangan Pemeliharaan Rangkaian Ekologi	39

SENARAI RAJAH

NO	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Perbandingan Guna Tanah Utama K-SL2 Tahun 2010, 2015 dan 2019	42
3.2	K-SL2 - Aktiviti Guna Tanah 2010	43
3.3	K-SL2 - Aktiviti Guna Tanah 2015	44
3.4	K-SL2 - Aktiviti Guna Tanah 2019	45
3.5	K-SL2 - Analisis Tapisan Litupan Berhutan 2010, 2015 dan 2019	46
3.6	K-SL2 - Zon Guna Tanah 2020	47
3.7	Rangkaian Pengangkutan Dan Kawasan Konflik Hidupan Liar	49
3.8	K-SL2 - Lokasi Cadangan Pemeliharaan Rangkaian Ekologi	50
4.1	Perbandingan Guna Tanah Utama K-SL3 Tahun 2010, 2015 dan 2019	53
4.2	K-SL3 - Aktiviti Guna Tanah 2010	54
4.3	K-SL3 - Aktiviti Guna Tanah 2015	55
4.4	K-SL3 - Aktiviti Guna Tanah 2019	56
4.5	K-SL3 - Analisis Tapisan Litupan Berhutan Tahun 2010, 2015 dan 2019	57
4.6	K-SL3 - Zon Guna Tanah 2035	58
4.7	K-SL3 - Rangkaian Pengangkutan dan Kawasan Konflik Hidupan Liar	61
4.8	K-SL3 - Lokasi Cadangan Pemeliharaan Rangkaian Ekologi	62

SENARAI SINGKATAN

Akta 172	Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976
BMGN	Bahagian Maklumat Guna Tanah Negara
CFS	<i>Central Forest Spine</i>
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FRIM	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia
GIS	<i>Geographic Information System</i>
HCVF	<i>High Conservation Value Forest</i>
HSK	Hutan Simpanan Kekal
HTK	Hutan Tanah Kerajaan
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JPSM	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
JWN	Jabatan Warisan Negara
KSAS	Kawasan Sensitif Alam Sekitar
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PBPT	Pihak Berkuasa Perancang Tempatan
PDT	Pejabat Daerah dan Tanah
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
PL	<i>Primary Linkages</i>
PTG	Pejabat Tanah dan Galian
RHL	Rizab Hidupan Liar
RKK	Rancangan Kawasan Khas
ROA	Rizab Orang Asli
SL	<i>Secondary Linkages</i>

SENARAI ISTILAH (GLOSARI)

Biodiversiti	<p>Kewujudan pelbagai spesies tumbuhan dan haiwan dalam persekitaran semula jadi mereka atau kepelbagaian antara organisma hidup dari pelbagai sumber dari daratan mahupun samudera dan lain-lain yang melangkaui ekosistem akuatik dan sebahagian daripada ekosistem yang kompleks termasuk di dalam kelompok spesies dan antara spesies dan ekosistemnya. Juga meliputi kesemua benda hidup yang terdapat di dalam sesebuah kawasan merangkumi kepelbagaian genetik, spesies dan ekosistem.</p> <p><i>Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Konvensyen Kepelbagaian Biologi</i></p>
CFS	<p>Gabungan kompleks hutan yang terdiri daripada kawasan Hutan Simpanan Kekal, Hutan Tanah Kerajaan, Taman Negara, Taman Negeri dan Rizab Hidupan Liar serta tanah pertanian yang menjadi tulang belakang bagi Kawasan Sensitif Alam Sekitar.</p>
Ekologi	<p>Hubungan antara tumbuhan, binatang dan manusia dengan persekitaran yang membentuk keseimbangan ekosistem.</p> <p><i>Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)</i></p>
Ekosistem	<p>Sistem lingkungan hidup semula jadi yang terbentuk sebagai hasil daripada tindakan yang menyaling antara benda-benda hidup dengan persekitarannya.</p> <p><i>Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)</i></p>
Habitat	<p>Tempat haiwan dan tumbuh-tumbuhan hidup secara semula jadi.</p> <p><i>Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)</i></p>
Hidupan Liar	<p>Mana-mana spesies haiwan liar atau burung liar, sama ada yang dilindungi sepenuhnya atau yang dilindungi, vertebrata atau invertebrata, hidup atau mati, matang atau tidak matang dan sama ada boleh dijinakkan atau dibiakkan dalam kurungan atau tidak.</p> <p><i>Sumber: Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010</i></p>
Hutan	<p>Sesuatu kawasan merangkumi keluasan melebihi 0.5 hektar termasuk hutan semula jadi / asli dan ladang hutan tetapi tidak termasuk pokok-pokok yang ditanam bagi tujuan pertanian atau penggunaan tanah bandar (<i>urban land use</i>). Pokok-pokok yang terdapat di kawasan tersebut juga hendaklah mampu mencapai ketinggian sekurang-kurangnya 5 meter dan dilitupi oleh silara pokok melebihi 10%.</p> <p><i>Sumber: Food and Agriculture Organization</i></p>
Hutan Paya Laut	<p>Satu ekosistem hutan yang bercampur dengan air masin di kawasan air pasang surut di sepanjang pantai.</p> <p><i>Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia</i></p>

SENARAI ISTILAH (GLOSARI)

Hutan Pengeluaran	<p>Hutan pengeluaran di bawah Seksyen 10(1)a, Akta Perhutanan Negara 1984 merupakan hutan pengeluaran kayu di bawah perolehan berkekalan yang membolehkan kawasan hutan tersebut dikeluarkan hasil kayunya.</p> <p><i>Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia</i></p>
Hutan Perlindungan	<p>Hutan perlindungan di bawah Seksyen 10(1)b-l, Akta Perhutanan Negara 1984 merupakan hutan yang dipelihara dan dilindungi dengan mengekalkan habitat semula jadi.</p> <p><i>Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia</i></p>
Hutan Simpanan Kekal	<p>Mana-mana tanah (tanah berhutan dan tidak berhutan) yang diwartakan atau disifatkan telah dijadikan sebagai hutan simpanan kekal untuk tujuan perhutanan di bawah Seksyen 7, 8 dan 9 Akta Perhutanan Negara 1984.</p> <p><i>Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia</i></p>
Hutan Taman Negeri	<p>Kawasan hutan yang ditubuhkan bertujuan untuk tujuan perlindungan, pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi hutan serta menjalankan aktiviti seperti pendidikan dan rekreasi (ekopelancongan).</p> <p><i>Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia</i></p>
Hutan Tanah Kerajaan	<p>Kawasan hutan yang tidak diwartakan sebagai hutan simpanan kekal dan hak pemilikan hutan adalah milik kerajaan negeri.</p> <p><i>Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia</i></p>
Hutan Terosot	<p>Kawasan HSK yang telah mengalami gangguan oleh faktor alam semula jadi (kebakaran, banjir, tanah runtuh, dll) atau manusia (pencerobohan, tanaman pindah dan kawasan usahasil) dan tidak mampu untuk diusahasil bagi pengeluaran kayu kayan dalam masa dua kitaran atau pusingan tebang tanpa rawatan silvikultur. Contoh kawasan hutan asli terosot adalah bekas kawasan yang telah diteroka, pembalakan haram, bekas matau dan bekas tapak kongsi pekerja.</p> <p><i>Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia</i></p>
Kawasan Berhutan	<p>Tanah yang meliputi kawasan melebihi 0.5 hektar dengan mempunyai pokok-pokok berketinggian melebihi 5 meter dan litupan kanopi melebihi 10%.</p> <p><i>Sumber: Food and Agriculture Organization</i></p>

SENARAI ISTILAH (GLOSARI)

Konflik Manusia-Hidupan Liar	<p>Interaksi antara hidupan liar dan manusia yang mengakibatkan kesan negatif terhadap manusia serta harta benda mereka, atau terhadap hidupan liar serta habitat mereka. Juga didefinisikan sebagai pertembungan keperluan di antara manusia dan hidupan liar yang mengakibatkan kesan negatif kedua-dua pihak sama ada manusia ataupun hidupan liar.</p> <p><i>Sumber: Salman et al (2016) dan FRIM</i></p>
Kawasan Sensitif Alam Sekitar	<p>Suatu kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang bentuk perubahan kepada ekosistemnya akibat proses alam semula jadi atau aktiviti di dalam atau di sekitarnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dimana tahap kesensitifannya ditentukan berasaskan pengintegrasian ciri-ciri unsur-unsur fungsi risiko bencana, nilai sokongan hidup serta nilai khazanah dan warisan kawasan tersebut.</p> <p><i>Sumber: Garis Panduan Perancangan: Pemuliharaan Dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar, 2017</i></p>
Ladang Hutan	<p>Kawasan yang ditanam dengan pokok atau tumbuh-tumbuhan hutan sama ada dari spesies tempatan atau eksotik dengan kaedah tanaman secara terbuka yang luasnya tidak kurang daripada 50 hektar.</p> <p><i>Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia</i></p>
Mampan	<p>Mampu mengekalkan pencapaian atau prestasi yang baik.</p> <p><i>Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)</i></p>
Populasi	<p>Sejumlah kumpulan yang terdiri daripada beberapa organisma daripada spesies yang sama dan hidup bersama di dalam satu kawasan pada satu-satu masa atau kumpulan individu sesuatu spesies (haiwan dan tumbuhan) yang terdapat di sesuatu kawasan geografi atau habitat tertentu.</p> <p><i>Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)</i></p>
Rancangan Kawasan Khas (RKK)	<p>Suatu rancangan tindakan khusus untuk satu-satu kawasan yang telah dikenal pasti oleh PBN / PBPT bertujuan memajukan segera, memajukan semula, memperelokkan lagi, memulihara atau mengurus sesebuah kawasan.</p>
Rangkaian Ekologi	<p>Habitat hutan yang menyambung atau membolehkan pergerakan hidupan liar antara pulau hutan di dalam kawasan CFS sama ada melalui rangkaian semula jadi sedia ada yang masih ber hutan atau laluan pergerakan seperti sungai, lembah, dan permatang. Rangkaian ekologi berbentuk fizikal, mempunyai ruang geografi yang jelas dan diurus tadbir dalam jangka masa panjang untuk mengekalkan atau memulihkan hubungan ekologi yang berkesan.</p> <p><i>Sumber: Laporan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS 2010 & oneearth.org</i></p>

SENARAI ISTILAH (GLOSARI)

Roadkill	Hidupan liar yang telah mati di atas jalan raya disebabkan pelanggaran dengan kenderaan.
Rizab Sungai	Benteng (ban), tebing dan dataran banjir di kedua-dua belah sungai yang diwartakan di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara.
Taman Eko Rimba	Sebuah kawasan hutan simpan yang dibuka untuk kegunaan orang ramai sebagai tempat riadah, perkelahan dan lain-lain. <i>Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia</i>
Tepu Bina	Kawasan yang dibangunkan dengan struktur fizikal seperti perumahan, komersial, industri dan perlombongan.
Zon Riparian	Kawasan peralihan antara tanah dan sungai atau sungai yang penting dalam ekologi, pengurusan alam sekitar dan kejuruteraan awam kerana merupakan biofilter semula jadi dan melindungi ekosistem akuatik daripada pemendapan yang berlebihan, aliran (<i>runoff</i>) yang tercemar dan hakisan. Zon ini juga memainkan peranan penting dalam penyediaan makanan, tempat tinggal dan laluan bagi organisma dalam sistem air dan hidupan liar.

PENGENALAN

A. CENTRAL FOREST SPINE (CFS)

Central Forest Spine (CFS) merupakan gabungan kompleks hutan yang terdiri daripada kawasan Hutan Simpanan Kekal, Hutan Tanah Kerajaan, Taman Negara, Taman Negeri, Rizab Hidupan Liar dan sebahagian tanah pertanian serta kawasan tepu bina yang menjadi tulang belakang bagi Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) di Semenanjung Malaysia. Dengan keluasan ***6.71 juta hektar**, CFS mempunyai nilai ekosistem serta menjadi habitat pelbagai spesies tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar (terrestrial dan akuatik). Terdapat lebih daripada 500 kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di dalam kawasan CFS dengan keluasan **4.79 juta hektar**. Kawasan CFS ini merangkumi **8 kompleks hutan** yang merentasi 8 buah negeri dan melibatkan 58 daerah.




*Nota: Keluasan adalah berdasarkan kiraan GIS, Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS (PIRECFS) 2022.

Kawasan CFS mempunyai pelbagai spesies flora dan fauna, termasuk menjadi habitat dan kawasan keliharaan hidupan liar, berperanan sebagai kawasan hutan tadahan untuk membekalkan sumber air mentah dan oksigen, mengawal hakisan tanah dan bencana alam, menstabilkan suhu di permukaan bumi dan menyeimbangkan ekosistem, seterusnya menjaga kepentingan pemeliharaan kepelbagaian biologi sebagai warisan alam sejagat. Sumber asli yang amat bernilai tinggi ini perlu dikekalkan dan dipelihara bagi memastikan kemampanan dan kesejahteraan alam sejagat secara keseluruhan.


B. RANGKAIAN EKOLOGI CFS

Rangkaian Ekologi merupakan kawasan penglibatan aktif yang diperlukan untuk mewujudkan semula kesinambungan (*connectivity*) di dalam kawasan CFS yang terdiri daripada **Rangkaian Utama (Primary Linkages - PL)** dan **Rangkaian Sekunder (Secondary Linkages - SL)** dengan ciri-ciri seperti berikut:



Ciri Utama	Merupakan kawasan yang sangat penting untuk mewujudkan semula penghubung hutan di dalam CFS.	Merupakan penyambung kepada rangkaian utama.
Perincian Ciri Utama	Berbentuk rangkaian yang berjajar, habitat dan biodiversiti yang tidak terpisah dan kepulauan hutan saling bersambung.	Menggunakan konsep <i>stepping stones</i> iaitu gabungan beberapa kumpulan habitat yang sesuai dan direka mengikut koridor sungai, zon riparian, jalur perlindungan, pulau hutan dan kawasan pertanian.
Lokasi	Terletak di antara blok-blok hutan utama dan mempunyai keluasan guna tanah bukan hutan yang terhad.	Kawasan bukan hutan yang luas atau jarak yang jauh di antara hutan-hutan atau jumlah tepu bina dan petempatan yang tinggi, tetapi masih lagi penting untuk mengekalkan kesinambungan biodiversiti (sekalipun lebih lemah) di antara hutan.
Perincian Lokasi	Gabungan daripada Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Hutan Tanah Kerajaan (HTK).	Gabungan HSK / HTK, pulau hutan, pertanian, badan air dan tepu bina.
Fungsi	Menjadi laluan mamalia besar untuk bergerak ke habitat / mencari bahan makanan daripada satu hutan ke hutan yang lain.	Melibatkan pergerakan beberapa jenis populasi vertebrata kecil dan beberapa spesies mamalia besar.

Pelan induk ini telah mengenal pasti **39 Rangkaian Ekologi** bagi menghubungkan kompleks hutan termasuk kawasan hutan atau pulau hutan yang telah terpisah, memperkuat rangkaian kawasan dilindungi dan membantu memelihara kesihatan ekosistem (termasuk populasi hidupan liar) (**Rajah 1**).



SKALA

1:2,700,000

RAJAH 1: KOMPLEKS HUTAN, KAWASAN CFS DAN RANGKAIAN EKOLOGI 2022

Nota: Sempadan kawasan CFS bagi Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS 2022 termasuk kawasan hutan di persisiran pantai.

C. DOKUMENTASI PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI CFS

Laporan Pelan Induk ini dibahagikan kepada 2 jilid berasingan.



- Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS (PIRECFS) 2022 yang disediakan adalah **berskala makro** di mana ketepatan serta perincian maklumat adalah **terhad** (bergantung kepada data semasa yang diperolehi pada masa kajian dijalankan).
- Oleh yang demikian, agensi pelaksana di peringkat negeri perlu membuat verifikasi maklumat-maklumat sebenar di lapangan dan seterusnya menterjemahkan strategi pelaksanaan yang dicadangkan kepada **Pelan Tindakan Pemeliharaan dan Pengurusan CFS Negeri**.
- Jilid 2 ini disediakan sebagai **asas rujukan** dalam menyediakan pelan tindakan tersebut dengan merumuskan latar belakang, penemuan utama dan strategi pemeliharaan mengikut Rangkaian Ekologi.

SUMBER DATA KAWASAN BERHUTAN

Data	Sumber Data
Hutan Simpanan Kekal	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) Jabatan Perhutanan Negeri (kecuali Negeri Selangor dan Kedah)
Hutan Tanah Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Maklumat Guna Tanah Negara (BMGN), PLANMalaysia
Ladang Hutan	<ul style="list-style-type: none"> JPSM (ladang hutan sedia ada) Jabatan Perhutanan Negeri (Zon Ladang Hutan – kecuali Negeri Kelantan, Kedah dan Selangor).
Hutan Taman Negeri	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Tanah dan Galian
Rizab Hidupan Liar	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan PERHILITAN Semenanjung

LATAR BELAKANG

A. KAWASAN BERHUTAN NEGERI KEDAH

Maklumat ringkas sumber hutan di Negeri Kedah adalah seperti **Jadual 1**. Keluasan tanah berhutan Negeri Kedah pada tahun 2019 meliputi 344,945 hektar (36.60% daripada keluasan negeri). Daripada jumlah tersebut, 99.14% tanah berhutan adalah Hutan Simpanan Kekal (HSK). Negeri Kedah juga mempunyai Rizab Hidupan Liar / Hutan Taman Negeri seluas 61,087 yang menyokong kepada pemeliharaan kawasan hutan dan hidupan liar.

Jadual 1: Maklumat Sumber Hutan Negeri Kedah

Perkara	Tahun		
	2010	2015	2019
Keluasan Tanah	942,500	942,500	942,500
Tanah Berhutan	344,871	342,431	344,945
Tanah Tidak Berhutan	597,629	600,069	597,555
Hutan Simpanan Kekal*	342,614	341,976	341,976
Hutan Pengeluaran	184,832	207,606	208,185
• Ladang Hutan (Keluasan Bertanam)	3,100	9,583***	4,150
Hutan Perlindungan	157,782	134,370	133,791
Rizab Hidupan Liar / Hutan Taman Negeri**	65,015	61,087	61,087

Sumber: Laporan Tahunan JPSM 2010, 2015 dan 2019.


Nota: * Keluasan Hutan Simpanan Kekal bagi tahun 2010 dan 2015 merujuk kepada keluasan HSK termasuk Cadangan HSK manakala keluasan HSK tahun 2019 merujuk kepada keluasan HSK yang diwartakan sahaja.

** Keluasan Hutan Taman Negeri merujuk kepada pengelasan fungsi kegunaan hutan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984.

*** Keluasan termasuk Ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah (bukan hanya keluasan bertanam).




RAJAH 2: KAWASAN HUTAN NEGERI KEDAH





RAJAH 3: LITUPAN HUTAN NEGERI KEDAH TAHUN 2010, 2015 DAN 2019



B. KAWASAN CFS NEGERI KEDAH

Meliputi keluasan **336,858 hektar** yang merangkumi:

- ✓ **45 Hutan Simpanan Kekal (HSK)** seluas **285,809 hektar**.
- ✓ **Hutan Tanah Kerajaan (HTK)** seluas **1,042 hektar**.
- ✓ **Lain-lain guna tanah** seperti pertanian, tepu bina dan badan air seluas **50,007 hektar**.

Terdiri daripada **4 Rangkaian Ekologi** dengan keluasan **21,385 hektar** bertujuan menghubungkan kompleks hutan yang terputus.



Hutan Simpan Ulu Muda


C. RANGKAIAN EKOLOGI CFS NEGERI KEDAH



KOD & KELUASAN	NAMA RANGKAIAN EKOLOGI	DAERAH & MUKIM
<p>Kod & Luas 2022: K-PL1 (8,563 hektar)</p> <p>Kod & Luas 2010: CFS1-PL5 (4,635 hektar)</p>	HS Ulu Muda - HS Gunung Inas	<p>Daerah: Baling</p> <p>Mukim: Siong, Kupang, Pulai, Baling dan Bongor</p>
<p>Kod & Luas 2022: K-SL1 (10,064 hektar)</p> <p>Kod & Luas 2010: CFS1-SL7 (4,398 hektar)</p>	HS Ulu Muda - HS Bukit Saiong - HS Pedu - HS Chebar	<p>Daerah: Sik, Padang Terap, Baling</p> <p>Mukim: Sok, Pedu dan Siong</p>
<p>Kod & Luas 2022: K-SL2 (1,125 hektar)</p> <p>Kod & Luas 2010: CFS1-SL8 (1,126 hektar)</p>	HS Ulu Muda – HS Rimba Telui	<p>Daerah: Sik</p> <p>Mukim: Sik</p>
<p>Kod & Luas 2022: K-SL3 (1,632 hektar)</p> <p>Kod & Luas 2010: CFS1-SL13 (1,632 hektar)</p>	HS Gunung Bongsu – HS Gunung Inas	<p>Daerah: Kulim</p> <p>Mukim: Sedim, Karangan dan Mahang</p>




RAJAH 4 : KAWASAN CFS DAN RANGKAIAN EKOLOGI NEGERI KEDAH





RAJAH 5 : TABURAN HSK DALAM KAWASAN CFS NEGERI KEDAH



D. RUMUSAN PERUNTUKAN RANCANGAN PEMAJUAN BERKAITAN CFS DAN RANGKAIAN EKOLOGI NEGERI KEDAH

Jenis Rancangan Pemajuan	Peruntukan Berkaitan CFS
RS Negeri Kedah 2035	<p>Dasar KAS 1 : Pengurusan sumber alam semula jadi secara mampan</p> <p>Strategi KAS 1.1 : Mengurus kawasan HSK dan CFS sedia ada secara mampan</p> <p>Inisiatif Pelaksanaan :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan kerja-kerja pengurusan terutama kawasan KSAS sektoral perhutanan tahap 1. 2. Mewartakan Tasik Ahning, Tasik Pedu, Tasik Muda, Tasik Beris, HS Ulu Muda, HS Gunung Inas, HS Padang Terap, HS Bukit Keramat dan HS Bukit Saiong sebagai hutan tadahan air. 3. Mengekalkan empat Rangkaian Ekologi primer dan sekunder. 4. Mengurus bersama perancangan guna tanah di kawasan bersebelahan CFS Negeri Perak. 5. Menyediakan <i>viaduct</i> atau laluan haiwan yang bersesuaian di laluan jalan baru.

E. CADANGAN PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN (RT) PENGUBAHAN / PENGGANTIAN

Tindakan 1.1a disediakan bagi menambah peruntukan dan cadangan berkaitan pemeliharaan kawasan CFS serta Rangkaian Ekologi CFS di dalam RT sedia ada. Cadangan ini adalah selaras dengan peruntukan Akta 172 bertujuan memperkukuhkan pelaksanaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS (PIRECFS) 2022 di peringkat negeri. Bagi RT yang sedang dalam proses penggantian (belum diwartakan), input kajian ini perlu diambil kira dan disediakan dengan zon guna tanah serta jadual kelas kegunaan tanah dan bangunan yang bersesuaian dalam menyokong pemeliharaan dan penyambungan semula kawasan hutan. Bagi RT yang telah diwartakan, RT perubahan perlu disediakan bagi kawasan Rangkaian Ekologi yang terlibat. **Perincian mengenai Tindakan 1.1a boleh dirujuk di Jilid 1 (Bab 2).**

Jadual 2: Senarai RT yang Perlu Disediakan dengan Cadangan Perubahan / Penggantian bagi Mengambil Kira Cadangan Pemeliharaan Kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi

RT	Kawasan CFS Terlibat		Cadangan Tindakan
	Kompleks Hutan	RE	
RT Daerah Baling 2020 <i>(RT Daerah Baling 2035 (Penggantian) akan disediakan pada tahun 2022)</i>	i. Bintang Hijau ii. Kedah Singgora	K-PL1 K-SL1	Penggantian RT dengan mengambil kira cadangan kawasan CFS, kompleks hutan dan persempadanan semula K-PL1 dan K-SL1.
RT Daerah Kubang Pasu 2035 (Penggantian)	Kedah Singgora	-	Pengubahan RT dengan mengambil kira cadangan kawasan CFS dan kompleks hutan.
RT Daerah Kulim 2035 (Penggantian)	Bintang Hijau	K-SL3	Pengubahan RT dengan mengambil kira cadangan kawasan CFS, kompleks hutan dan Rangkaian Ekologi K-SL3.
RT Daerah Padang Terap 2035 (Penggantian)	Kedah Singgora	K-SL1	RT ini masih dalam penyediaan. Perlu mengambil kira input CFS, kompleks hutan dan persempadanan semula K-SL1 ke dalam RT agar dapat diwartakan bersekali.
RT Daerah Pendang 2035 (Penggantian)	Kedah Singgora	-	RT ini masih dalam penyediaan. RT ini telah pun mengambil kira input CFS, kompleks hutan ke dalam RT agar dapat diwartakan bersekali.
RT Daerah Sik 2020 <i>(RT Daerah Sik 2035 (Penggantian) akan disediakan pada tahun 2022)</i>	Kedah Singgora	K-SL1 K-SL2	Penggantian RT dengan mengambil kira cadangan kawasan CFS, kompleks hutan dan persempadanan semula K-SL1 dan K-SL2.

F. CADANGAN PENYEDIAAN RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) BAGI SEMUA RANGKAIAN EKOLOGI

Semua Rangkaian Ekologi perlu disediakan dengan Rancangan Kawasan Khas (RKK). RKK merupakan suatu plan cadangan yang lebih terperinci berbanding RT yang mengandungi cadangan-cadangan tindakan khusus untuk satu kawasan yang telah dikenal pasti oleh PBN / PBT bagi tujuan:

- i. Pengolahan khas dan terperinci dengan cara pemajuan.
- ii. Pemajuan semula.
- iii. Pengelohan.
- iv. Pemuliharaan atau amalan pengurusan sebahagiannya dengan satu kaedah dan sebahagian lagi dengan kaedah lain bagi seluruh atau sebahagian kawasan khas.
- v. Jenis pengolahan yang dicadangkan.

RKK berfungsi sebagai panduan terperinci dalam kawalan dan perancangan bagi kawasan yang telah dikhaskan. RKK juga menjadi alat pembangunan yang teratur dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan berdasarkan keperluan Akta 172. RKK boleh disediakan dengan menggabungkan beberapa Rangkaian Ekologi dalam sebuah RKK bagi menjimatkan kos, masa dan meningkatkan tahap pelaksanaan negeri. **Perincian mengenai Tindakan 1.1b boleh dirujuk di Jilid 1 (Bab 2).**

Senarai inisiatif pelaksanaan bagi Tindakan 1.1b untuk Negeri Kedah adalah seperti berikut:

Cadangan RKK	Fasa Pelaksanaan			Agensi Terlibat	
	1	2	3	Pelaksana Utama	Pelaksana Sokongan
K-PL1		√		PLANMalaysia @Kedah	i. PBN ii. PBPT iii. PDT iv. JPN Kedah v. PERHILITAN Negeri Kedah vi. JAS Negeri Kedah vii. JPS Negeri Kedah viii. JKR Negeri Kedah
K-SL1		√			
K-SL2 (dalam keadaan terancam)	√				
K-SL3 (dalam keadaan terancam)	√				

Nota: **Fasa 1** (2022-2030) **Fasa 2** (2031-2035) **Fasa 3** (2036-2040)

1.0 RANGKAIAN EKOLOGI K-PL1 (CFS1-PL5)

HS ULU MUDA - HS GUNUNG INAS


Negeri: Kedah
Daerah: Baling
Mukim: Siong, Kupang, Pulai, Baling dan Bongor
Keluasan: 8,563 hektar

Jumlah petempatan dalam RE dan kawasan sekitar (1 km)

Kampung tradisi : 42



Penemuan SWOT Rangkaian Ekologi



S1 Hutan ini berperanan sebagai kawasan tadahan air bagi Empangan Muda, Pedu, Ahning dan turut menjadi habitat penting kepada mamalia besar seperti gajah, harimau, seladang dan tapir.

S2 Rangkaian Ekologi ini mempunyai jumlah spesies hidupan liar tertinggi iaitu sebanyak 521 spesies.

S3 Kebanyakan kawasan di Rangkaian Ekologi didapati masih diliputi hutan dan terpelihara dengan baik.



W1 Kawasan hutan di koridor ini telah ini telah diganggu oleh aktiviti pembersihan tanah di sepanjang rizab jalan.



O1 Penting bagi menyambungkan Kompleks Hutan Ulu Muda dan Bintang Hijau.

O2 Lokasi penyambungan kedua kawasan hutan hanyalah berkelebaran 100 meter dan terletak bertentangan dengan Jalan Baling - Pengkalan Hulu.



T1 Terdapat beberapa bahagian Hutan Simpan Gunung Inas yang sangat sempit (kurang dari 300 meter) di satu bahagian yang berpotensi menjadi *bottlenecks* sekiranya kawasan hutan negeri sedia ada dibersihkan.

T2 Walaupun lot pertanian yang terdapat di dalam Rangkaian Ekologi ini adalah sedikit, namun kawasan pertanian di sekitar Rangkaian Ekologi ini masih perlu dikawal. Ini kerana ianya sedang dibangunkan dengan skala besar, sekaligus memberikan ancaman kepada laluan hidupan liar.


1.1 PERUBAHAN GUNA TANAH 2010, 2015 DAN 2019


- Keluasan kawasan hutan K-PL1 telah meningkat mendadak dari 87% pada tahun 2010 kepada 99% pada tahun 2015 (**Jadual 1.1, Rajah 1.1 sehingga Rajah 1.6**). Namun pada tahun 2019, kawasan berhutan menurun semula kepada 87%. Penurunan kawasan berhutan ini didorong oleh faktor peningkatan kawasan pertanian.
- Keluasan berhutan berstatus HSK merekodkan 100% pada tahun 2019. Ini kerana tiada HTK di dalam Rangkaian Ekologi ini pada tahun 2019.
- Kawasan pertanian telah menurun mendadak daripada 13% pada tahun 2010 kepada 0.4% pada tahun 2015, namun meningkat semula kepada 13% pada tahun 2019. Tanaman lain-lain menjadi penyumbang utama kepada kawasan pertanian dalam Rangkaian Ekologi ini dengan 12%(1,061 hektar) pada tahun 2019.

Jadual 1.1: Keadaan Guna Tanah K-PL1 Tahun 2010, 2015 dan 2019

Jenis Guna Tanah	2010		2015		2019	
	Luas (Hektar)	%	Luas (Hektar)	%	Luas (Hektar)	%
Tepu Bina	61	1	9	0	0.7	0
Badan Air	1	0	9	0	8.73	0.1
Hutan	7,303	85	8,509	99	7,455	87
Hutan Simpanan Kekal	6,341	74	5,577	65	7,455	87
Hutan Tanah Kerajaan	963	11	2,932	34	-	-
Pertanian	1,198	14	35	0.4	1,098	13
Getah	3	0	34	0.4	36	0.4
Padi	115	1	0.1	0	-	-
Dusun Buah-buahan	-	-	1	0	1	0
Lain-lain	1,080	13	0.2	0	1,061	12
Jumlah	8,563	100.00	8,563	100.00	8,563	100

Rajah 1.1: Perbandingan Guna Tanah Utama K-SL1 Tahun 2010, 2015 dan 2019








 SKALA


 1:145,000

RAJAH 1.2 : K-PL1 - AKTIVITI GUNA TANAH 2010




RAJAH 1.3 : K-PL1 - AKTIVITI GUNA TANAH 2015

SKALA
1:145,000



RAJAH 1.4 : K-PL1 - AKTIVITI GUNA TANAH 2019




RAJAH 1.5 : K-PL1 - ANALISIS TAPISAN LITUPAN BERHUTAN 2010, 2015 DAN 2019



 SKALA

 1:145,000










 SKALA
 1:145,000

RAJAH 1.6 : K-PL1 - ZON GUNA TANAH 2020

1.2 FUNGSI RANGKAIAN EKOLOGI TERHADAP HIDUPAN LIAR

Keadaan semasa dan fungsi Rangkaian Ekologi kepada hidupan liar adalah seperti **Jadual 1.2** dan **Rajah 1.7**.


Jadual 1.2: Tahap Fungsian K-PL1 Terhadap Hidupan Liar


Kriteria Penilaian	Penerangan / Hasil Analisis	
 Aktiviti guna tanah sekitar	Terdapat ladang hutan di Rangkaian Ekologi ini dan sekitarnya.	
 HCVF yang dikenal pasti	Tidak wujud di Rangkaian Ekologi ini (JPSM, 2020).	
 Pembinaan jalan	FT 76 (Jalan Baling - Kuala Kangsar). FT 67 (Jalan Sungai Petani - Baling).	
 Hotspot hidupan liar	Tiada sira asli di Rangkaian Ekologi ini.	
 Senarai semak spesies yang dilindungi Akta Konservasi Hidupan Liar, 2010	<p>Mamalia (108 spesies) antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gajah • Harimau Malaya • Tapir • Harimau Kumbang • Beruang Matahari • Seladang <p>Burung (247 spesies) Herpetofauna (166 spesies)</p> <p>Senarai penuh sila rujuk Lampiran 1.</p>	
 Senarai hidupan liar terancam	<p>Endangered</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tapir • Beruk • Lotong Cengkong • Ungka Tangan Hitam • Ungka Tangan Putih • Gajah • Enggang Jambul Putih • Enggang Berkedut • Daun Sayap Biru • Daun Besar • Belatok Awan • Cicak Belang • Kura Tokong • Kura-kura Duri Bukit 	<p>Critically Endangered</p> <ul style="list-style-type: none"> • Harimau Malaya • Tenggiling • Enggang • Tebang Mertua • Pekaka Bukit • Baning Lonjong • Baning Perang

sambungan

Jadual 1.2: Tahap Fungsian K-PL1 Terhadap Hidupan Liar

Kriteria Penilaian	Penerangan / Hasil Analisis	
 Senarai pokok hutan terancam	Endangered <ul style="list-style-type: none"> • Keruing Belimbing (<i>Dipterocarpus Grandiflorus</i>) • Damar Hitam Siput (<i>Shorea Faguetiana</i>) • Meranti Sarang Punai (<i>Shorea Parvifolia</i>) 	Critically Endangered <ul style="list-style-type: none"> • Meranti Melantai (<i>Shorea Macroptera</i>)
 Roadkill yang dikenal pasti	Tiada	
 Pengurusan biodiversiti hidupan liar selain dari harimau dan gajah	Tiada	
 Spesies <i>Human Wildlife Conflict</i> (HWC)	Gajah dan Harimau Kumbang.	
 Pemburuan haram	Ada	
 Langkah pencegahan	<ul style="list-style-type: none"> • Rondaan berkala oleh pihak terlibat. • Penutupan jalan balak lama yang menghala ke kawasan berhutan K-PL1. 	
 Kaedah penguatkuasaan	Rondaan berkala menggunakan kereta / trekking / menunggu di persimpangan jalan balak.	







 SKALA

 1:145,000

RAJAH 1.8: K-PL1 – TABURAN SPESIES POKOK TERANCAM DAN EAFM

Jadual 1.3: Senarai Produk Pelancongan Mengikut Inisiatif Pelaksanaan Ekopelancongan K-PL1

Bil	Inisiatif Pelaksanaan	Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong	Homestay KEDA Ulu Legong
Mengukuhkan dan Mempelbagaikan Aktiviti Pelancongan CFS Sebagai Pendapatan Alternatif dalam Menyumbang Ekonomi Negeri			
1.	Menyediakan Pelan Pengurusan Pelancongan.	√	√
2.	Menyediakan revolusi produk pelancongan mampan.	√	√
3.	Menyediakan pakej, promosi, kadar bayaran dan pengelasan produk pelancongan mengikut zon.	√	√
4.	Cadangan kadar bayaran yang dikenakan boleh menyumbang kepada ekonomi negeri.	√	√
5.	Menyenaraikan produk pelancongan berpotensi untuk senarai JWN.		
6.	Pembangunan <i>eco-lodge</i> .	√	√
7.	Mengukuhkan aktiviti pelancongan di kawasan sungai, tasik, air terjun dan pantai.	√	
8.	Menerapkan penglibatan Orang Asli dan budaya.	√	√
9.	Menyediakan mitigasi untuk menghadapi halangan.	√	√
10.	Pembangunan dan pelaksanaan pelancongan selaras dengan daya tampungan.		
Meningkatkan Tahap Kemudahan Fasiliti dan Program di Kawasan Tarikan Pelancong			
1.	Memperkukuhkan komponen fasiliti, pakej dan sistem pelancongan.	√	√
2.	Pertandingan fotografi di Rangkaian Ekologi dan hidupan liar.	√	√
3.	Memperolehi Pensijilan Pelancongan Mampan dari badan bertauliah.		
4.	Program dan aktiviti berkaitan pelancongan.	√	√
5.	Mewujudkan platform integrasi dari pelbagai sektor / media sosial / agensi yang dapat menyokong aktiviti pelancongan mampan.	√	√
Status Zon Pelancongan		Medium Value	Low Value


2.0 RANGKAIAN EKOLOGI K-SL1 (CFS1-SL7)

HS ULU MUDA – HS BUKIT SAIONG - HS PEDU – HS CHEBAR


Negeri : Kedah
Daerah : Sik, Padang Terap, Baling
Mukim : Sok, Pedu dan Siong
Keluasan : 10,064 (2022)
 4,398 hektar (2010)

Jumlah petempatan dalam RE dan kawasan sekitar (1 km)

Kampung : Tiada



Penemuan SWOT Rangkaian Ekologi



S1 Terletak di wilayah ekopelancongan Tasik Pedu dan merupakan kawasan tadahan air untuk Empangan Muda, Pedu dan Ahning.

S2 HS Bukit Saiong baru diwartakan sebagai HSK setelah adanya Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS 2010.

S3 Tasik Pedu yang terdapat dalam Rangkaian Ekologi ini merupakan tasik buatan manusia yang terbesar di Negeri Kedah dan telahpun berusia lebih lima dekad.

S3 Kawasan sekitar Rangkaian Ekologi merupakan kawasan HSK yang masih terpelihara dan mengukuhkan lagi Rangkaian Ekologi ini.



W1 HS Ulu Muda di bahagian timur telah dipisahkan daripada HS Pedu oleh hutan negeri, manakala HS Chebar dan HS Bukit Kemuning telah dipisahkan daripada kompleks hutan pulau oleh jalan negeri.



O1 Perancangan untuk membangunkan semula kawasan ini sebagai destinasi ekopelancongan haruslah dilakukan secara lestari dan mampan.

O2 Ketiadaan lot pertanian di dalam Rangkaian Ekologi memberikan sempadan yang baik di antara kawasan hutan.



T1 Terdapat cadangan pembalakan di HS Ulu Muda yang berpotensi menjejaskan fungsi Rangkaian Ekologi ini.


2.1 PERUBAHAN GUNA TANAH 2010, 2015 DAN 2019


- Keluasan kawasan hutan K-SL1 mencatatkan peratusan sama iaitu 86% pada tahun 2010 sehingga tahun 2019 (**Jadual 2.1, Rajah 2.1 sehingga Rajah 2.6**).
- Keluasan HSK meningkat mendadak iaitu di 0.3% pada tahun 2015 kepada 86% pada tahun 2019.
- HSK mencatatkan jumlah 100% pada tahun 2019 di dalam tanah berhutan kerana tiada HTK di dapati di dalam Rangkaian Ekologi K-SL1.


Jadual 2.1: Keadaan Guna Tanah K-SL1 Tahun 2010, 2015 dan 2019

Jenis Guna Tanah	2010		2015		2019	
	Luas (Hektar)	%	Luas (Hektar)	%	Luas (Hektar)	%
Badan Air	1,058.51	10.52	1,401.13	13.92	1,399.58	13.91
Hutan	8,660.77	86.05	8,661.97	86.07	8,664.81	86.09
Hutan Simpanan Kekal	-	-	29.17	0.29	8,664.81	86.09
Hutan Tanah Kerajaan	8,652.96	85.98	8,632.80	85.78	-	-
Pertanian	345.12	3.43	1.30	0.01	-	-
Getah	-	-	1.30	0.01	-	-
Lain-lain	345.12	3.43	-	-	-	-
Jumlah	10,064.40	100.00	10,064.40	100.00	10,064.40	100.00

Rajah 2.1: Perbandingan Guna Tanah Utama K-SL1 Tahun 2010, 2015 dan 2019









RAJAH 2.3 : K-SL1 - AKTIVITI GUNA TANAH 2015

SKALA
1:150,000




RAJAH 2.4: K-SL1 - AKTIVITI GUNA TANAH 2019

SKALA
1:150,000



RAJAH 2.5 : K-SL1 - ANALISIS TAPISAN LITUPAN BERHUTAN 2010, 2015 DAN 2019

SKALA
1:150,000









RAJAH 2.6 : K-SL1 - ZON GUNA TANAH 2020

SKALA
1:150,000

2.2 FUNGSI RANGKAIAN EKOLOGI TERHADAP HIDUPAN LIAR








Analisis kefungsihan hidupan liar untuk setiap Rangkaian Ekologi dijalankan dengan beberapa kriteria seperti **Jadual 2.2** dan **Rajah 2.6**.


Jadual 2.2: Tahap Fungsian K-SL1 Terhadap Hidupan Liar

Kriteria Penilaian	Penerangan / Hasil Analisis	
 Aktiviti guna tanah sekitar	Tiada ladang hutan di Rangkaian Ekologi ini dan sekitarnya.	
 HCVF yang dikenal pasti	Tidak wujud di Rangkaian Ekologi ini (JPSM, 2020).	
 Pembinaan jalan	Tiada	
 <i>Hotspot</i> hidupan liar	Tiada sira asli di Rangkaian Ekologi ini.	
 Senarai semak spesies yang dilindungi Akta Konservasi Hidupan Liar, 2010	<p>Mamalia (106 spesies) antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gajah • Harimau Malaya • Tapir • Harimau Kumbang • Beruang Matahari • Seladang <p>Burung (63 spesies) Herpetofauna (128 spesies)</p> <p>Senarai penuh sila rujuk Lampiran 2.</p>	
 Senarai hidupan liar terancam	<p>Endangered</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tapir • Beruk • Lotong Cengkong • Ungka Tangan Hitam • Gajah • Enggang Jambul Putih • Enggang Berkedut • Katak Serasah Berbintik • Cicak Belang • Kura Tokong • Kura-kura Duri Bukit 	<p>Critically Endangered</p> <ul style="list-style-type: none"> • Harimau Malaya • Tenggiling • Enggang Tebang Mertua • Pekaka Bukit • Baning Lonjong • Baning Perang

sambungan


Jadual 2.2: Tahap Fungsian K-SL1 Terhadap Hidupan Liar

Kriteria Penilaian	Penerangan / Hasil Analisis
 Senarai ikan terancam	<i>Endangered</i> <ul style="list-style-type: none"> • Daun (<i>Poropuntius Deauratus</i>). • Puting Beliang (<i>Homalopteroides Wassinkii</i>).
 Roadkill yang dikenal pasti	Tiada
 Pengurusan biodiversiti hidupan liar selain dari harimau dan gajah	Tiada
 Spesies <i>Human Wildlife Conflict (HWC)</i>	Gajah
 Pemburuan haram	Ada
 Langkah pencegahan	Rondaan berkala oleh pihak terlibat.
 Kaedah penguatkuasaan	Rondaan berkala menggunakan kereta / trekking / menunggu di persimpangan jalan balak.



RAJAH 2.7: K-SL1 - RANGKAIAN PENGANGKUTAN DAN KAWASAN KONFLIK HIDUPAN LIAR

SKALA
1:150,000



RAJAH 2.8 : K-SL1 – TABURAN SPESIES TERANCAM, EAFM DAN CADANGAN SANTUARI IKAN

SKALA
1:150,000

2.3 RUMUSAN CADANGAN PEMELIHARAAN RANGKAIAN EKOLOGI K-SL1 (HS Ulu Muda – HS Bukit Saiong – HS Pedu – HS Chebar)



Memohon pewartaan HTK di dalam kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi kepada PTG. Lokasi dan status terkini HTK perlu disemak bagi memastikan tiada pemilikan sebelum diwartakan sebagai HSK. HTK yang dikenal pasti mempunyai kepentingan kepada hidupan liar juga boleh diwartakan sebagai Rizab / Santuari Hidupan Liar di bawah Seksyen 62, KTN 1965.



Membangunkan projek ladang hutan secara mampan:

- Semua projek ladang hutan di dalam Rangkaian Ekologi dan sekitarnya perlu mematuhi **garis panduan Zon Pertanian Pemuliharaan di Jilid 1**.
- Perlu menyediakan koridor ekologi mini untuk menghubungkan hutan yang terputus.



Menjalankan usaha pelepasan benih ikan di Tasik Ulu Muda atau sekitarnya bergantung kepada kesesuaian habitat. Pelepasan benih ikan adalah bagi meningkatkan stok semasa ikan di sesuatu kawasan.



Cadangan santuari ikan di Sg. Teliang, HS Ulu Muda bertujuan melindungi, mengekalkan, memelihara dan memulihara habitat akuatik melalui pengurusan yang efisien.



Cadangan Pengurusan Perikanan Berasaskan Ekosistem di Tasik Ulu Muda atau kawasan berhampiran bagi menyeimbangkan antara kesejahteraan ekologi, kesejahteraan manusia dan tadbir urus yang baik dalam pengurusan perikanan.



Memasang papan tanda kawasan Rangkaian Ekologi CFS atau hidupan liar. Pemasangan bersama *flashing amberlight*.



Menyelesaikan isu *Human Wildlife Conflict* (HWC) dengan meningkatkan penguatkuasaan di jalan raya, kawasan *viaduct* atau *eco-bridge* dan kawasan bekas jalan balak dan denai ke kawasan HSK.




Produk pelancongan berstatus *low value*.

Produk pelancongan berstatus *medium value* (perincian inisiatif pelaksanaan di **Jadual 2.3**).

Lain-lain cadangan untuk kawasan Rangkaian Ekologi:

- Menyediakan Sistem Pemantauan Kutipan Data Umum Stok Biodiversiti melalui kaedah survei dengan membentuk *Line Transect* berukuran 200m lebar dan 1 km panjang yang dibuat di kawasan kiri kanan hutan dan satu *Line Transect* di dalam rangkaian ekologi untuk membanci kehadiran mamalia, burung dan herpetofauna.
- Mengenal pasti mana-mana kawasan yang sesuai di dalam Rangkaian Ekologi untuk dikelaskan sebagai HCVF / HCVA.
- Menjadikan kawasan pertanian sebagai kawasan keutamaan di bawah Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di dalam komponen CAZ seperti agroperhutanan, koridor ekologi mini, tompok hutan, pemeliharaan puncak bukit dan cerun serta penyediaan rizab riparian.
- Memulihara spesies endemik dan terancam di dalam Rangkaian Ekologi CFS dengan menjalankan kajian fenologi spesies endemik dan terancam bagi memastikan wujudnya regenerasi anak benih dan anak pokok. Kajian ex-situ dan in-situ juga boleh dijalankan untuk meningkatkan populasi spesies endemik dan terancam dari mengelakkan kepupusan.
- Melupuskan spesies invasif yang merosakkan habitat dan sumber biodiversiti tempatan.



RAJAH 2.9: K-SL1 - LOKASI CADANGAN PEMELIHARAAN RANGKAIAN EKOLOGI



SKALA
1:150,000

Jadual 2.3: Senarai Produk Pelancongan Mengikut Inisiatif Pelaksanaan Ekopelancongan K-SL1

Bil	Inisiatif Pelaksanaan	Tasik Pedu	Taman Negeri Ulu Muda	Tasik Muda	Tasik Gubir
Mengukuhkan dan Mempelbagaikan Aktiviti Pelancongan CFS Sebagai Pendapatan Alternatif dalam Menyumbang Ekonomi Negeri					
1.	Menyediakan Pelan Pengurusan Pelancongan.	√	√	√	√
2.	Menyediakan revolusi produk pelancongan mampan.	√	√	√	√
3.	Menyediakan pakej, promosi, kadar bayaran dan pengelasan produk pelancongan mengikut zon.	√	√	√	√
4.	Cadangan kadar bayaran yang dikenakan boleh menyumbang kepada ekonomi negeri.	√	√	√	√
5.	Menyenaraikan produk pelancongan berpotensi untuk senarai JWN.	√	√	√	√
6.	Pembangunan <i>eco-lodge</i> .	√	√	√	√
7.	Mengukuhkan aktiviti pelancongan di kawasan sungai, tasik, air terjun dan pantai.	√	√	√	√
8.	Menerapkan penglibatan Orang Asli dan budaya.	√	√	√	√
9.	Menyediakan mitigasi untuk menghadapi halangan.	√	√	√	√
10.	Pembangunan dan pelaksanaan pelancongan selaras dengan daya tampungan.	√	√	√	√
Meningkatkan Tahap Kemudahan Fasiliti dan Program di Kawasan Tarikan Pelancong					
1.	Memperkuhkan komponen fasiliti, pakej dan sistem pelancongan.	√	√	√	√
2.	Pertandingan fotografi di Rangkaian Ekologi dan hidupan liar.	√	√	√	√
3.	Memperolehi Pensijilan Pelancongan Mampan dari badan bertauliah.	√	√	√	√
4.	Program dan aktiviti berkaitan pelancongan.	√	√	√	√
5.	Mewujudkan platform integrasi dari pelbagai sektor / media sosial / agensi yang dapat menyokong aktiviti pelancongan mampan.	√	√	√	√
Status Zon Pelancongan		Medium Value	Low Value	Medium Value	Medium Value

3.0 RANGKAIAN EKOLOGI K-SL2 (CFS1-SL8)


HS ULU MUDA - HS RIMBA TELUI

Negeri: Kedah
 Daerah: Sik
 Mukim: Sik
 Keluasan: 1,125 hektar (2022)
 1,126 hektar (2010)

Jumlah petempatan dalam RE dan kawasan sekitar (1 km)
 Kampung Tradisi : 4



Penemuan SWOT Rangkaian Ekologi



S1 Masih terdapat kawasan hutan yang dikekalkan di dalam Rangkaian Ekologi ini (digunakan sebagai taman eko rimba).



W1 HS Rimba Telui di bahagian selatan telah terpisah daripada HS Ulu Muda oleh jalan K10 (Jalan Sik - Weng).
W2 Aktiviti pertanian di kiri dan kanan jalan juga menjadi halangan kepada hidupan liar. Tanah pertanian ini milik KEDA, Perbadanan Menteri Besar (MBI) dan FELCRA.



O1 Rangkaian Ekologi ini terletak di wilayah ekopelancongan Tasik Pedu bertujuan menghubungkan HS Ulu Muda dan HS Rimba Telui.



T1 Terdapat kawasan pertanian getah sepanjang jalan K10 (Jalan Sik - Weng) dan perluasan kawasan getah antara Sik dan Kg. Tanjung Pari menjadi ancaman kepada Rangkaian Ekologi ini.
T2 Pembukaan petempatan baharu di Kampung Charok Durian dan Kampung KEDA Bendang Man berisiko mengancam usaha pemeliharaan Rangkaian Ekologi ini disebabkan oleh faktor pertambahan penduduk dan perluasan kawasan pertanian penduduk setempat.


3.1 PERUBAHAN GUNA TANAH 2010, 2015 DAN 2019


- Keluasan kawasan hutan K-SL2 telah menurun mendadak dari 98% pada tahun 2015 kepada 35% pada tahun 2019 (**Jadual 3.1, Rajah 3.1 sehingga Rajah 3.6**). Namun begitu, 100% kawasan berhutan masih berstatus HSK pada tahun 2019.
- Tiada HTK pada tahun 2019 berbanding tahun-tahun sebelumnya.
- Selain itu, penurunan kawasan berhutan ini didorong oleh faktor peningkatan ketara kawasan pertanian terutama getah dari 0.46% pada tahun 2015 kepada 64.16% pada tahun 2019.

Jadual 3.1: Keadaan Guna Tanah K-SL2 Tahun 2010, 2015 dan 2019

Jenis Guna Tanah	2010		2015		2019	
	Luas (Hektar)	%	Luas (Hektar)	%	Luas (Hektar)	%
Tepu Bina	22	2	17	1	3	0.3
Badan Air	2	0.2	2	0.2	2	0.2
Hutan	432	38	1,101	98	398	35
Hutan Simpanan Kekal	355	31	509	45	398	35
Hutan Tanah Kerajaan	77	7	592	53	-	-
Pertanian	670	60	5	0.5	722	64
Getah	670	60	5	0.5	624	55
Lain-lain	-	-	-	-	99	9
Jumlah	1,125	100	1,125	100	1,125	100


Rajah 3.1: Perbandingan Guna Tanah Utama K-SL2 Tahun 2010, 2015 dan 2019






RAJAH 3.2 : K-SL2 - AKTIVITI GUNA TANAH 2010


SKALA
1:45,000






RAJAH 3.4 : K-SL2 - AKTIVITI GUNA TANAH 2019

SKALA
1:45,000



RAJAH 3.5 : K-SL2 - ANALISIS TAPISAN LITUPAN BERHUTAN 2010, 2015 DAN 2019

SKALA
1:45,000










RAJAH 3.6 : K-SL2 - ZON GUNA TANAH 2020

SKALA
1:45,000

3.2 FUNGSI RANGKAIAN EKOLOGI TERHADAP HIDUPAN LIAR

Keadaan semasa dan fungsi Rangkaian Ekologi kepada hidupan liar adalah seperti **Jadual 3.2 dan Rajah 3.6**.

Jadual 3.2: Tahap Fungsian K-SL2 Terhadap Hidupan Liar

Kriteria Penilaian	Penerangan / Hasil Analisis	
Aktiviti guna tanah sekitar	Terdapat aktiviti pembalakan di Rangkaian Ekologi ini dan sekitarnya untuk usahasil dan pertanian.	
HCVF yang dikenal pasti	Tidak wujud di Rangkaian Ekologi ini (JPSM, 2020).	
Pembinaan jalan	K10 (Jalan Sik - Weng). K157 (Jalan Bukit Sebelah – Kampung Gulau).	
<i>Hotspot</i> hidupan liar	Tiada sira asli di Rangkaian Ekologi ini.	
Senarai semak spesies yang dilindungi Akta Konservasi Hidupan Liar, 2010	Mamalia (104 spesies) antaranya: <ul style="list-style-type: none"> • Gajah • Harimau Malaya • Tapir • Harimau Kumbang • Beruang Matahari Burung (53 spesies) Herpetofauna (82 spesies) Senarai penuh sila rujuk Lampiran 3 .	
Senarai hidupan liar terancam	Endangered <ul style="list-style-type: none"> • Tapir • Beruk • Lotong Cengkong • Ungka Tangan Hitam • Gajah • Cicak Belang • Kura-kura Duri Bukit 	Critically Endangered <ul style="list-style-type: none"> • Harimau Malaya • Tenggiling • Enggang Tebang Mertua • Pekaka Bukit • Baning Perang
 Senarai pokok hutan terancam	Endangered <ul style="list-style-type: none"> • Keruing Gondol (<i>Pterocarpus Kerrii</i>). 	
 Roadkill yang dikenal pasti	Tiada	
 Pengurusan biodiversiti hidupan liar selain dari harimau dan gajah	Tiada	
 Spesies <i>Human Wildlife Conflict (HWC)</i>	Tiada	
 Pemburuan haram	Ada	
 Langkah pencegahan	Rondaan berkala dari pihak terlibat.	
 Kaedah penguatkuasaan	Rondaan berkala menggunakan kereta / trekking / menunggu di persimpangan jalan balak.	

3.3 RUMUSAN CADANGAN PEMELIHARAAN RANGKAIAN EKOLOGI K-SL2 (HS Ulu Muda – HS Rimba Telui)



Memohon pewartaan HTK di dalam kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi kepada PTG. Lokasi dan status terkini HTK perlu disemak bagi memastikan tiada pemilikan sebelum diwartakan sebagai HSK. HTK yang dikenal pasti mempunyai kepentingan kepada hidupan liar juga boleh diwartakan sebagai Rizab / Santuari Hidupan Liar di bawah Seksyen 62, KTN 1965.



Menambah baik papan tanda hidupan liar sedia ada seperti *flashing amber light* dan *tranverse bar*.



Memulihara spesies terancam:

